

Skandal 1MDB digambarkan seperti sebuah filem

# Penuh komplot, konspirasi

Oleh SUWARNI MOKHTAR  
dan HANIZA HASSAN  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 28 OGOS

**S**KANDAL penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) digambarkan seperti sebuah filem yang penuh dengan komplot dan konspirasi demi mendapatkan dana berjumlah RM2.28 bilion.

Menurut ucapan pembukaan pihak pendakwaan yang dibacakan di Mahkamah Tinggi di sini hari ini, watak utama 'filem' tersebut ialah bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low.

Mereka berdua dikatakan menjadi bayangan cermin masing-masing malah pernah bercuti bersama dengan seorang lagi rakan baik mereka, seorang individu yang dikenali sebagai Putera Turki di atas sebuah kapal layar di selatan Perancis.

"Pihak pendakwaan akan membuktikan melalui tindakan dan arahan tertuduh (Najib), Jho Low merupakan *alter-ego* dirinya. Jho Low adalah bayangan Najib. Jika anda letak Najib di hadapan cermin, awak akan nampak Jho Low. Kalau awak letak Jho Low di hadapan cermin, awak akan nampak Najib.

"Pendakwaan akan membuktikan melalui fakta yang menjurus kepada inferens yang tidak boleh disangkal bahawa Jho Low dan Najib bertindak sebagai 'satu' pada waktu material," ujar Timbalan Pendakwa Raya Kanan, Datuk Seri Gopal Sri Ram.

Sri Ram menyatakan, kemelut 1MDB bermula apabila Najib bertindak menukar nama Terengganu Investment Authority



**NAJIB TUN RAZAK** hadir ke Mahkamah Tinggi bagi pembicaraan kes 1MDB di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ABD. RAZAK AID

(TIA) kepada 1MDB dan meminda perlembagaan syarikat itu bagi membolehkannya mempunyai kuasa mutlak sekali gus mengawal penuh urusan perniagaan dan hal ehwal syarikat itu.

Najib didakwa menggunakan kedudukan dan pengaruhnya sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan untuk membuat keputusan dan mempengaruhi pegawai dan ahli lembaga pengarah 1MDB.

"Najib menggunakan kedudukan tersebut bagi membolehkan beliau melakukan transaksi yang tidak sepatutnya dengan tergesa-gesa. Tujuan utama tertuduh adalah untuk mendapatkan faedah bagi dirinya dan

beliau berjaya dalam melakukannya," katanya.

Kata bekas Hakim Mahkamah Persekutuan itu, terdapat empat fasa 'kejadian' yang mana pihak pendakwaan akan membuktikan melalui keterangan lisan dan dokumen bahawa Najib mengambil beberapa langkah bagi membolehkan dana 1MDB dimasukkan ke dalam akaunnya melalui 'laluhan berbelit' bagi mengelakkan sumber wang itu dikesan.

Pihak pendakwaan juga akan membuktikan usahasama antara 1MDB dan PetroSaudi International Ltd. (PSI) dan 1MDB dengan Aabar Investment PJS (Aabar) bagi projek pembinaan

TRX atau Tun Razak Exchange hanyalah satu 'wayang'.

Bukti akan menunjukkan usahasama tersebut hanyalah alat untuk mengaut wang 1MDB untuk faedah Najib.

"Berdasarkan bukti yang akan dikemukakan, usahasama tersebut tidak pernah berlaku. Tiada sebarang pelaburan mahupun usahasama. Semuanya adalah palsu," katanya.

Berhubung pertuduhan membatikan pengubahan wang haram, pendakwaan akan membuktikan berlakunya transaksi yang menunjukkan Najib menerima wang berjumlah RM2.08 bilion melalui akaun peribadinya yang berakhir dengan nombor 9694.

Sebahagian wang tersebut kemudian digunakan untuk membuat pembayaran terhadap beberapa entiti dan individu.

Pihak pendakwaan akan membuktikan Najib dan Jho Low mengambil langkah untuk menutup jejaknya selepas skandal 1MDB terbongkar pada awal Julai 2015 dengan membuat dokumen palsu kononnya dana tersebut merupakan sumbangan Putera Arab Saudi.

"Antaranya adalah surat-surat dan empat cek, setiap satu berjumlah AS\$25 juta yang ditulis oleh seseorang yang dikatakan penderma Arab. Tetapi cek-cek berkenaan bukan bermaksud untuk ditunaikan dan tidak pernah ditunaikan.

"Tertuduh juga mengambil langkah aktif untuk mengelakkan keadilan. Beliau juga mengganggu perjalanan penyiasatan kes ini untuk menutup perlakuan jenayahnya. Pihak pendakwaan akan mengemukakan semua bukti ini untuk menunjukkan bahawa tertuduh mempunyai niat untuk melakukan kesalahan," kata Sri Ram.